

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI**  
**HOSPITAL UNIVERSITI, KUALA LUMPUR**  
**SEMPENA PELANCARAN RASMI PROJEK KERUSI RODA PUSAT**  
**PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA**  
**19 JULAI 1995**

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana menjemput saya untuk merasmikan pelancaran Projek Kerusi Roda Pusat Perubatan Universiti Malaya pada \_\_\_\_\_ hari \_\_\_\_\_ ini.

2. Usaha mengadakan projek ini amatlah dialu-alukan kerana ia adalah bukti adanya kesedaran dan tanggungjawab di kalangan kita untuk membantu anggota masyarakat yang mempunyai masalah kecacatan dan kekurangan diri. Soal 'masyarakat penyayang' kerap diperkatakan oleh masyarakat kita hari ini dan semangat ini adalah baik dan harus dipupuk dan dikembangkan kerana ia merupakan salah satu elemen penting untuk membentuk masyarakat penyayang yang sebenar.

3. Apa juga aktiviti-aktiviti di pelbagai peringkat yang bertujuan untuk mengurangkan beban anggota masyarakat yang tidak bernasib baik atau yang menderita amat digalakkan. Memang sudah menjadi kebiasaan, bantuan dihulur kepada mereka yang menderita. Di negara kita sememangnya terdapat ramai dermawan yang begitu bermurah hati dan sentiasa menyahut seruan untuk berbakti.

4. Saya difahamkan bahawa projek kerusi roda ini memberi tumpuan kepada 2 perkara \_\_\_\_\_ :

- 1) Penubuhan bengkel untuk pembuatan dan pengubahsuaian kerusi roda yang sesuai bagi penggunaanya.
- 2) Penubuhan sistem pembelajaran tentang penggunaan kerusi roda dengan betul dan secara maksima.

5. Ini adalah kali pertama projek menyeluruh seperti ini diadakan di negara kita. Saya kira memanglah tepat sekali organisasi seperti Pusat Perubatan Universiti Malaya memajukan projek kerusi roda secara menyeluruh. Sebagai Universiti yang utama di negara kita impak perkembangan sesuatu program seharusnya dirasai oleh masyarakat umum.

6. Salah satu daripada program perkembangan yang diperhatikan giat dijalankan di Pusat Perubatan Universiti Malaya adalah aktiviti perubatan pemulihan. Prinsip-prinsip perubatan pemulihan menumpukan perhatian kepada fungsi kemanusiaan. Pengamalan Perkembangan bidang perubatan pemulihan dapat membantu memastikan kecacatan tidak menjadi penghalang kepada seseorang itu untuk terus menjalani kehidupan \_\_\_\_\_ yang \_\_\_\_\_ sempurna.

7. Projek kerusi roda Pusat Perubatan Universiti Malaya khususnya dapat mempertingkatkan lagi pengetahuan berkenaan penggunaan kerusi roda dan dengan itu dapat menggalakkan penggunaan kerusi roda ke tahap maksima.

8. Saya mengucapkan syabas kepada Pusat Perubatan Universiti Malaya kerana dapat menubuhkan projek kerusi roda ini. Saya berasa bangga kerana setakat ini projek ini telah dapat memberi khidmat bantuan dari segi teknikal dan juga pembelajaran kepada masyarakat umum dari seluruh negara. Saya difahamkan bahawa antara mereka yang telah mendapat manfaat daripada projek ini termasuk orang-orang cacat yang memerlukan kerusi roda dan keluarga serta penjaga mereka, para professional termasuk doktor, jurupulih perubatan (anggota), jurupulih perubatan (cara kerja), jururawat serta jurupulih dan pekerja pemulihan dari Wilayah Persekutuan, Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah, Kelantan dan Terengganu.

9. Kepada Pusat Perubatan Universiti Malaya saya mengucapkan syabas kerana kegigihannya melancarkan projek kerusi roda yang murni.

10. Dengan lafaz "Bismillahirrahmanirrahim" saya dengan rasminya melancarkan Projek Kerusi Roda Pusat Perubatan Universiti Malaya.